

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN AKHBAR

Penyertaan Peniaga Dibuka bagi Jualan Mega Brunei (JMB) 2026 9 Februari - 5 April 2026

1. Bersempena dengan musim perayaan yang akan datang, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengalu-alukan para peniaga untuk menyertai acara jualan kebangsaan Jualan Mega Brunei (JMB) 2026, yang akan berlangsung selama 56 hari bermula 9 Februari hingga 5 April 2026. JMB 2026 bertepatan dengan sambutan perayaan utama termasuk Tahun Baru Cina, Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42 dan Hari Raya Aidilfitri. Acara jualan murah ini bertujuan untuk mempromosi perbelanjaan domestik dan menggalakkan orang ramai membeli-belah di dalam negara sepanjang musim perayaan.
2. Inisiatif kebangsaan Jualan Mega Brunei (JMB) 2026 merupakan sebagai platform bagi menyokong peniaga tempatan dan menggalakkan orang ramai untuk berbelanja dalam negara ke arah mengekalkan perbelanjaan domestik, dengan harapan untuk merangsang aktiviti perniagaan dan membantu usahawan tempatan, serta mewujudkan peluang pekerjaan.
3. Melalui inisiatif '*Shop Local*' yang dianjurkan oleh JPES, peniaga diberi platform untuk meningkatkan publisiti dan menarik pengguna, serta seterusnya menjadi sebahagian daripada usaha kolektif untuk merangsang aktiviti ekonomi domestik demi kepentingan negara. Peniaga yang menyertai acara ini akan disenaraikan di dalam laman sesawang JPES bagi tujuan publisiti dan peluang untuk menarik pengguna mengunjungi premis perniagaan.
4. Jualan Mega Brunei (JMB) 2026 memberi ruang kepada peniaga dari pelbagai sektor untuk meningkatkan jualan melalui menawarkan promosi yang menarik dan kreatif bagi produk dan perkhidmatan. Acara ini juga menggalakkan pengguna untuk menerokai pelbagai pilihan membeli-belah yang ditawarkan sepanjang Jualan Mega Brunei (JMB) 2026.
5. Para peniaga yang berminat untuk menyertai Jualan Mega Brunei (JMB) 2026 boleh memuat turun Borang Makluman Jualan dari laman sesawang JPES mulai hari ini. Borang Makluman Jualan yang telah lengkap diisi boleh dihadapkan kepada JPES melalui e-mel sales@jpes.gov.bn tidak lewat 7 Februari 2026.

6. JPES mengingatkan para peniaga yang akan menyertai Jualan Mega Brunei (JMB) 2026 untuk menjalankan aktiviti jualan yang beretika dengan mematuhi Peraturan-Peraturan Acara Harga Jualan Murah, Perintah Paparan Tanda Harga dan Akta Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), Penggal 261. Aktiviti jualan yang beretika akan membantu membina kepercayaan dan keyakinan pengguna, seterusnya menyokong pertumbuhan perniagaan tempatan.
7. Bagi maklumat lanjut mengenai Jualan Mega Brunei (JMB) 2026, orang ramai dan para peniaga boleh menghubungi JPES melalui e-mel sales@jpes.gov.bn.

#####

Disediakan oleh:


Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

E-mel: dca@jpes.gov.bn

Rujukan : (242) JPES/CAD/AHJM/Pt.2

Tarikh : 5 Syabaan 1447 / 24 Januari 2026



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

**Business Participation Open for Jualan Mega Brunei (JMB) 2026
9 February - 5 April 2026**

1. In conjunction with the upcoming festive season, the Department of Economic Planning and Statistics (JPES) under the Ministry of Finance and Economy is calling on businesses to participate in the national sales event Jualan Mega Brunei (JMB) 2026, which will be held over 56 days from 9 February to 5 April 2026. Coinciding with major celebrations, including the Chinese New Year, the 42nd National Day of Brunei Darussalam, and Hari Raya Aidilfitri. The event aims to promote domestic spending during the festive period and encourage the public to shop locally.
2. As a nationwide initiative, Jualan Mega Brunei (JMB) 2026 serves as a platform to support local businesses and encourage the public to shop locally to retain spending within the country, in hopes of sustaining retail activity, supporting local entrepreneurs, and creating employment opportunities.
3. Through the 'Shop Local' initiative organised by JPES, businesses are given a platform to increase visibility, connect with consumers, and be part of a collective effort to boost domestic economic activity for the benefit of the nation. Participating businesses will be featured on JPES website, providing greater visibility and a better opportunity to draw consumers to visit their premises.
4. Jualan Mega Brunei (JMB) 2026 offers businesses from various sectors the opportunity to drive sales by offering attractive and creative promotions for their products and services. The event also encourages consumers to explore the wide range of shopping options which will be offered during Jualan Mega Brunei (JMB) 2026.
5. Businesses interested to participate in the Jualan Mega Brunei (JMB) 2026 may download the Sales Notification Form from JPES website starting today. Completed forms should be submitted to JPES via email at sales@jpes.gov.bn no later than 7 February 2026.
6. JPES reminds businesses participating in Jualan Mega Brunei (JMB) 2026 to conduct their sales activities ethically and in compliance with the Cheap Sale Price Regulations, the Price Display Order, and the Consumer Protection (Fair Trading) Act, Chapter 261. Adherence to ethical practices fosters consumer trust and confidence, thereby supporting the growth of local businesses.

7. For further information on Jualan Mega Brunei (JMB) 2026, members of the public and businesses may contact JPES through email at sales@jpes.gov.bn.

#####

Prepared by:
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Email: dca@jpes.gov.bn

Reference : (242)JPES/CAD/AHJM/Pt.2
Date : 5 Syabaan 1447 / 24 January 2026